

Hubungan NBD - Thailand terus kukuh dan maju



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin semasa menyaksikan Mini Galeri Pameran Foto (kiri). Sementara gambar kanan, Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Datin bersama Kuasasaha Semantara, Kedutaan Diraja Thailand di Negara Brunei Darussalam, Tuan Rooge Thammongkol dan Ketua-ketua Perwakilan ASEAN memotong kek sempena Sambutan Hari Kebangsaan Thailand.



Berita dan Foto : HERNIE SULIANA HAJI OTHMAN

JERUDONG, Rabu, 5 Disember. - Hubungan akrab Negara Brunei Darussalam dan Kerajaan Thailand jelas ketara dengan pertukaran lawatan kerabat diraja kedua-dua buah negara dengan yang terakhir ialah keberangkatan Her Royal Highness (HRH) Princess Maha Chakri Sirindhorn, the Princess Royal of Thailand ke negara ini pada bulan November yang lalu.

Perkara tersebut dinyatakan oleh Kuasasaha Semantara, Kedutaan Diraja Thailand di Negara Brunei Darussalam (NBD), Tuan Rooge Thammongkol pada Majlis Resepsi sempena Sambutan Hari Kebangsaan Thailand yang

berlangsung di Indera Samudera Grand Hall, The Empire Hotel & Country Club, di sini.

Menurutnya lagi, NBD dan Thailand mempunyai persamaan terutama dalam menghormati Raja, dan pada tahun 2019 merupakan Ulang Tahun Ke-35 Penubuhan Perhubungan Diplomatik kedua-dua buah negara.

Bagi warga Thailand, jelasnya, tarikh 5 Disember merupakan tarikh yang sangat istimewa untuk memperingati tiga peristiwa penting iaitu Ulang Tahun Mendiang Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Bhumibol Adulyadej, Hari Kebangsaan

Kerajaan Thailand dan Thailand Father's Day.

Beliau juga menyentuh mengenai hubungan dua hala NBD dan Thailand yang terus maju dan kukuh dengan kerjasama dalam banyak bidang untuk kepentingan bersama, seperti pertanian, pendidikan, makanan halal, budaya dan pelancongan.

Hadir mewakili Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia selaku tetamu kehormat ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin dan Datin.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan dan isteri seterusnya dijemput untuk bersama

memotong kek sempena Hari Kebangsaan Thailand disertai oleh Ketua-ketua Perwakilan ASEAN yang lain.

Majlis juga discrikan dengan beberapa persembahan pentas

daripada warganegara Thailand yang menetap di negara ini serta Mini Galeri Pameran Foto yang memaparkan hubungan erat kerabat diraja Brunei dan Thailand.

Peserta Program UNIKLEARN terima sijil

Berita dan Foto : Aimi Sani

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 7 Disember. - Seramai lima pelatih yang mengikuti Program UNIKLEARN selama enam bulan hari ini diraikan pada Majlis Tamat Pengajian bertempat di salah sebuah hotel di Gadong.

UNIKLEARN adalah latihan vokasional dan program latihan berbayar direka khusus oleh ahli terapi profesional bagi belia autistik dengan misi yang menyeluruh dalam memperkasakan orang dewasa muda dengan autisme ke arah kemerdekaan serta menyumbang kepada anggota masyarakat.

ia adalah program kerjasama antara An-Nur Harapan Sendirian Berhad, Start Up Brunei dan SPARK Lifeskill.

Para pelatih yang menerima biasiswa tersebut berumur 16 tahun ke atas bagi menghadiri program selama enam bulan bermula Jun 2018 lepas.

Program UNIKLEARN bertujuan untuk memberi pendedahan kepada orang dewasa autistik ke arah hidup bebas dengan membantu menyediakan program khusus untuk individu autistik, di samping bekerja atas kemahiran yang diperlukan ke arah kebolehpasaran.

Selain itu, ia juga bertujuan untuk mempertingkatkan kemahiran sosial dan interaksi peribadi mereka, serta menawarkan latihan dan kemudahan pekerjaan semasa menjalani program berkenaan.

Kelima-lima graduan sekarang menjalani penempatan kerja di Noice Café, Royal Brunei Catering (RBC) dan Project Ice Cream.

Hadir selaku tetamu kehormat menyempurnakan penyampaian sijil kepada para pelatih ialah Pengerusi An-Nur Harapan Sdn. Bhd., Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman bin Pengiran Haji Damit.

Juga hadir, Ahli Lembaga An-Nur Sdn. Bhd., Dayang Noorsurainah binti Tengah, wakil Start Up Brunei serta para ibu bapa graduan.



PENGERUSI An-Nur Harapan Sdn. Bhd., Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman bin Pengiran Haji Damit (dua, kiri) menyampaikan sijil kepada para pelatih yang menyertai Program UNIKLEARN.

Perkhemahan uji ketahanan mental belia



AHLI Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad (dua, kiri) selaku Ahli Jawatankuasa Pelan Strategik YSHHB semasa menyampaikan sijil kepada peserta.

Berita dan Foto : Saerah Haji Abdul Ghani

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 7 Disember. - Program Perkhemahan Hijrah Mahabbah Illahi Ke-6 dihasrat dapat meningkatkan keimanan dan jati diri melalui pendekatan Al-Quran dan As-Sunnah serta menanamkan sikap bertanggungjawab dan amanah.

Schubungan itu, seramai 96 belia telah berjaya menamatkan program yang dianjurkan oleh Yayasan Sultan Haji Hassanah Bolkiyah (YSHHB) dan dikendalikan oleh Kumpulan Al-Qudwah, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA).

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyampaikan sijil

kepada para peserta pada majlis penutup program yang berlangsung di Auditorium, UNISSA, di sini ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad, selaku Ahli Jawatankuasa Pelan Strategik YSHHB.

Juga hadir, Pengarah Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, UNISSA, Dr. Adam bin Haji Jait.

Majlis Penutup dan Penyampaian Sijil diselitkan dengan ceramah motivasi 'Hijrah Keluarga Menuju Syurga' yang disampaikan oleh Pensyarah Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, UNISSA, Dr. Hajah Ummi Fa'izah binti Haji Abdul Rahman.

Program Perkhemahan yang berlangsung selama empat hari tiga malam bermula 4 Disember lalu bertemakan 'Cahaya Penyuluh Hidup'.

Tujuan program adalah untuk menguji kemampuan dan ketahanan mental, emosi dan fizikal.

Antara aktiviti yang dijalankan dalam program perkhemahan itu adalah ceramah motivasi, bengkel kerohanian, aktiviti kepimpinan, gotong-royong, sukan dan riadah.

Sementara itu, Awang Muhamad Faiz Waie bin Mohamad Suffian yang merupakan salah seorang peserta program ketika ditemui berkata, program berkenan mempunyai peranan yang sangat positif yang antaranya ialah kepentingan mengeratkan hubungan silaturahim di antara satu sama lain, di samping perkongsian pengalaman masing-masing.

Beliau berharap, akan terus mengeratkan lagi hubungan silaturahim bersama peserta yang lain sama ada dalam dan luar program nanti dan menyarankan kepada belia-belia lain supaya lebih bersemangat untuk menyertai program seumpama yang banyak memberi pengalaman dan pengajaran, sekali gus merubah ke jalan yang baik dan betul.

Seorang lagi peserta program, Awang Haji Huzairi bin Abdullah berpendapat, banyak yang dapat dipelajarinya, di samping mencuba pengalaman baharu yang belum pernah dirasakan sebelum ini serta melakukan pelbagai aktiviti bersama kawan-kawan.

Selain itu katanya, program juga

memberikan mereka banyak pengajaran dan ilmu yang dapat diaplikasikan nanti dan berharap agar belia-belia yang lain akan dapat ikut serta dalam

program seumpama ini, kerana ia bukan perkara biasa dilakukan, tetapi ia boleh mengubah diri masing-masing kepada yang lebih baik.